

## *Penggunaan Senarai Semak dalam Penulisan Karangan*

**Helmeleya Mohd Jamil**

helmeleya\_a@moe.edu.sg

**Kasimah Kassim**

kasimah\_kassim@moe.edu.sg

Sekolah Rendah Huamin

### *Abstrak*

Murid sering kehilangan markah dalam penulisan karangan disebabkan kecuaian dalam 3 aspek iaitu pemerengganan, ejaan dan tanda baca. Walaupun kesalahan-kesalahan ini dianggap kecil, ia boleh menyebabkan kehilangan banyak markah. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk membimbing murid supaya menerapkan amalan menyemak karangan dengan penggunaan senarai semak supaya dapat mengurangkan kesalahan-kesalahan tersebut. Menurut Dr Linda Karges-Bone (2000), penyediaan senarai semak kepada murid ialah idea yang baik apabila murid diberikan tugas. Ini menjadikan pembelajaran lebih terarah dan murid lebih bertanggungjawab dalam pembelajaran dan pencapaian mereka. Kajian ini merupakan kajian pengajaran yang melibatkan 22 orang murid Darjah 3. Berdasarkan kaedah yang digunakan senarai semak, dapatan kajian menunjukkan kekurangan kesalahan yang dilakukan murid dalam karangan mereka. Oleh itu kajian ini dengan jelas berjaya membimbing murid dalam usaha untuk menyemak hasil penulisan mereka.

Kata Kunci: senarai semak, pembelajaran kendiri, kajian pengajaran, penulisan



## PENGENALAN

Melalui pemantauan harian, murid didapati melakukan banyak kesilapan dari aspek pemerengganan, ejaan dan tanda baca semasa menulis karangan. Murid kehilangan banyak markah dan kesilapan tersebut juga menjas struktur ayat yang dibina dalam karangan mereka. Oleh demikian, satu kajian telah dijalankan bagi mengurangkan kesilapan-kesilapan yang dilakukan ini.

Melalui tinjauan yang dijalankan ke atas ibu bapa dan murid-murid, mereka bersetuju bahawa senarai semak dapat membantu murid-murid daripada melakukan kesilapan-kesilapan yang turut menjas kualiti karangan mereka. Senarai semak juga akan menggalakkan murid bertanggungjawab terhadap pembelajaran sendiri.

Justeru itu, guru akan menggunakan Strategi *Modeling* sebagai perancah untuk membimbing murid dalam penggunaan senarai semak. Penilaian kendiri dan rakan sebaya akan dijalankan untuk menggalakkan murid mengendalikan pembelajaran mereka sendiri. Pendekatan ini adalah sejajar dengan kemahiran abad ke-21, iaitu melahirkan murid yang bertanggungjawab dan yakin terhadap pembelajaran sendiri.

## TUJUAN KAJIAN

Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk meneliti:

1. keberkesanan murid menggunakan senarai semak berstruktur sebagai alat untuk membimbing mereka daripada melakukan kesilapan-kesilapan kecil dalam penulisan karangan; dan
2. keberkesanan murid menjadi seorang yang bertanggungjawab terhadap pembelajaran kendiri (*self-directed learning*).

## PERNYATAAN MASALAH

Murid sering kehilangan markah disebabkan kesilapan dalam pemerengganan, ejaan dan tanda baca. Ini disebabkan kecuaian murid dan tabiat mereka yang tidak menyemak kertas karangan mereka sebelum menghantarnya kepada

guru. Pada mulanya, guru hanya mengingatkan murid supaya melakukan penyemakan sebelum menghantar kertas karangan mereka. Namun, berdasarkan latihan karangan harian murid, guru mendapati kebanyakan murid masih melakukan kesilapan tersebut.

Guru-guru ingin murid lebih efisien dalam mengenal pasti kesilapan-kesilapan kecil yang dilakukan dalam kertas karangan mereka supaya markah karangan mereka tidak terjejas. Guru-guru ingin murid bertanggungjawab atas pembelajaran sendiri dan lebih yakin mengenal pasti kesilapan dan memperbetulkan kesilapan yang dilakukan dalam kertas karangan mereka. Maka itu, guru-guru bersepakat bahawa sebuah senarai semak yang berstruktur boleh membantu murid mengelakkan daripada melakukan kesilapan-kesilapan kecil dalam penulisan karangan mereka. Dengan cara ini, guru-guru berharap murid tidak kehilangan markah atas kesilapan-kesilapan kecil ini.

## KAJIAN LEPAS

Dalam kajian pengajaran yang dijalankan, senarai semak dijadikan alat penyemakan yang digunakan dalam proses penulisan karangan. Senarai semak ini ialah alat perancah atau alat bantuan (*scaffold*) yang digunakan oleh guru untuk membimbing murid daripada melakukan kesilapan-kesilapan kecil semasa menulis karangan.

Menurut Linda Karges-Bone (2000), penyediaan senarai semak kepada murid ialah idea yang baik apabila murid diberikan tugas. Ini menjadikan pembelajaran lebih terarah dan murid lebih bertanggungjawab dalam pembelajaran dan pencapaian mereka.

Rowlands (2007) juga menyarankan penggunaan senarai semak untuk menyokong pembelajaran dan pencapaian murid. Senarai semak yang baik dapat membantu perkembangan metakognitif murid dan memupuk rasa keyakinan diri yang diperlukan untuk memahami langkah-langkah bagi tugas selanjutnya.



Guru menggunakan strategi *modeling* untuk memaparkan kepada murid tentang penggunaan senarai semak. Oleh demikian, murid akan lebih yakin menggunakan senarai semak apabila melakukan aktiviti kumpulan. Menurut Saphier, Haley-Speca dan Gower (2008), modeling ialah sesuatu yang murid dapat lihat atau pegang. Model menjelaskan makna sesuatu konsep dan juga bertujuan untuk mengekalkan konsep yang dipelajari dalam ingatan.

Menurut Arapoff (1985), menyemak atau ‘*revising*’ merupakan salah satu daripada enam peringkat dalam proses penulisan. Menurut beliau untuk menghasilkan sebuah karangan yang baik, murid harus melalui proses penyemakan dan penyuntingan. Dalam kajian pengajaran ini, murid menyemak karangan berdasarkan senarai semak yang disediakan. Kemudian, memfokuskan kepada kesalahan-kesalahan mekanis seperti ejaan, tanda baca dan pemerengganan. Proses dilakukan pada peringkat akhir proses penulisan.

## **KAEDAH KAJIAN**

### **Subjek Kajian**

Kajian ini melibatkan 22 orang murid Melayu Darjah 3 dari kelas keupayaan sederhana. Seramai 5 orang guru terlibat dalam usaha membina kajian pengajaran ini. Secara umum, kemahiran menulis para murid adalah sederhana. Murid sudah dilengkapi dengan pengetahuan asas bagi penulisan karangan. Maklum balas daripada tinjauan yang dilakukan ke atas murid dan para ibu bapa menunjukkan bahawa murid sering kehilangan markah dalam aspek pemerengganan, ejaan dan tanda baca. Penelitian awal yang dilakukan oleh para guru juga menunjukkan kelemahan para murid dalam aspek-aspek tersebut.

### **Instrumen Kajian**

Borang tinjauan telah diberikan kepada murid-murid Melayu Darjah 3 dan para ibu bapa mereka. Kertas tinjauan ini bertujuan untuk mengenal pasti kelemahan dalam diri murid ketika menulis karangan. Tinjauan tersebut juga memberi beberapa saranan kepada para murid dan ibu bapa untuk memperbaiki kelemahan murid. Menurut dapatan daripada tinjauan tersebut,

ramai murid dan para ibu bapa bersepakat bahawa penggunaan senarai semak boleh dikenalkan agar dapat mengurangkan kesalahan yang dilakukan ketika menulis karangan.

Senarai semak yang dikenalkan kepada murid merangkumi aspek pemerengganan, ejaan dan tanda baca. Murid diajar untuk menggunakan senarai semak ini ketika mereka menulis karangan. Senarai semak ini memberi fokus kepada pembelajaran kendiri di mana murid akan menyemak karangan mereka dengan menggunakan senarai semak yang diberikan. Pembelajaran menjadi lebih terarah dan murid lebih bertanggungjawab dalam pencapaian mereka.

### Prosedur Kajian

Kajian pengajaran yang dijalankan telah melalui beberapa proses perbincangan yang mendalam di antara guru-guru. Kajian ini bertujuan untuk membimbing murid supaya menerapkan amalan menyemak karangan mereka supaya dapat mengurangkan kesalahan-kesalahan yang biasa murid lakukan. Perbincangan yang memakan masa tiga bulan ini mengambil kira profil dan keupayaan murid sebelum proses membina langkah pengajaran dilakukan.

Pelbagai teknik pengajaran dan aktiviti telah dirancang untuk mengukuhkan proses pembelajaran murid. Semasa kajian pengajaran dijalankan, guru-guru yang terlibat telah memantau respons murid ketika mereka melakukan aktiviti. Setelah pelajaran selesai, sesi perbincangan diadakan di mana fokusnya berpusat pada respons murid semasa melakukan aktiviti-aktiviti yang telah dirancang. Perbincangan di antara guru-guru yang terlibat ini bertujuan untuk meneliti sebarang kekurangan yang harus diperbaiki dan menghalusi teknik pengajaran supaya lebih bersesuaian dengan tahap para murid.

Kajian pengajaran ini dilaksanakan dalam jangka masa 60 minit. Induksi pelajaran dimulakan dengan guru menunjukkan slaid PowerPoint yang mengandungi percikan huruf-huruf. Murid diminta untuk membina seberapa banyak perkataan dengan menggunakan huruf-huruf tersebut. Kemudian, guru akan memulakan pengajaran dengan menunjukkan sepotong ayat



yang mengandungi beberapa kesalahan. Secara berpasangan, murid akan berbincang untuk membetulkan ayat yang salah itu. Kumpulan yang paling cepat dapat menyatakan kesalahan dalam ayat dan dapat memberikan ayat yang sempurna akan memenangi hadiah daripada guru.

Seterusnya, guru menerangkan mengenai objektif pengajaran dan langkah-langkah pembelajaran yang akan diadakan. Menurut Saphier, Haley-Speca dan Gower (2008a), apabila guru memberitahu murid objektif pelajaran, murid lebih bersedia untuk menerima pelajaran dan lebih berfokus ketika mereka membaca, mendengar dan melihat arahan. Guru akan menekankan kesalahan-kesalahan yang selalunya dilakukan murid yang menyebabkan mereka kehilangan markah.

Guru menunjukkan contoh karangan murid di mana kesalahan-kesalahan pemerengganan, ejaan dan tanda baca dilakukan. Murid akan mengenal pasti kesalahan-kesalahan tersebut. Guru mengajukan soalan-soalan yang berkaitan dengan kesalahan-kesalahan yang telah dilakukan. Guru mengaitkannya dengan kecuaian murid yang tidak mahu menyemak hasil kerjanya.

Guru memperkenalkan senarai semak kepada para murid menerusi slaid PowerPoint. Guru akan menggunakan contoh karangan yang sama dan menunjukkan cara untuk mengaplikasi senarai semak ketika menulis karangan (*modeling*). Menurut Saphier, Haley-Speca dan Gower (2008b), *modeling* ialah sesuatu yang murid dapat lihat atau pegang. Model menjelaskan makna sesuatu konsep dan juga bertujuan untuk mengekalkan konsep yang dipelajari dalam ingatan. Guru juga menggunakan teknik *Thinking-Aloud* ketika melakukan modeling. Apabila murid melihat guru menunjukkan model pemikiran mereka, murid dapat memahami apa yang harus murid lakukan sebagai pembaca yang berdikari. (Harvey dan Goudvis, 2007)

Setelah menunjukkan teknik *Modeling* dan *Thinking Aloud*, guru akan menerangkan kerja kumpulan kepada murid. Setiap kumpulan akan diberikan gambar di mana mereka akan menulis sebuah perenggan pendek mengenainya. Setelah selesai menulis karangan, guru memberikan senarai semak kepada murid. Murid menyemak hasil kerja mereka dan membuat pembetulan dengan menggunakan pena hijau.

Selepas itu, seorang wakil kumpulan akan mempersembahkan hasil kerja mereka. Murid-murid yang lain akan menggunakan *FAST Kits* untuk menilai hasil kerja rakan mereka.

Di akhir pembentangan, guru menekankan pentingnya dan keberkesanannya penggunaan senarai semak. Sebagai penutup pelajaran, guru akan bertanyakan kepada murid mengenai apa yang telah mereka pelajari untuk mengukuhkan lagi apa yang telah dipelajari. Guru juga memberikan latihan karangan kepada murid untuk dilengkapkan di rumah.

## DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Dapatan kajian merupakan data kualitatif dan data ini diraih berdasarkan pemerhatian guru-guru semasa kajian pengajaran dijalankan dan juga hasil karangan murid yang diberikan secara tugas individu.

Hasil daripada pemerhatian guru-guru pemantau, murid-murid didapati begitu responsif dan sedar akan objektif pembelajaran serta memahami setiap arahan yang diberikan guru. Penerangan guru yang amat terperinci mengenai setiap aspek yang terdapat dalam senarai semak dan langkah-langkah yang perlu dilakukan semasa menggunakan senarai semak amat efektif dalam pembelajaran murid. Setiap murid memahami penggunaan senarai semak dan telah menggunakan senarai semak dengan betul semasa mereka melakukan kerja secara berkumpulan dan juga tugas individu.

Semasa kerja berkumpulan dijalankan, semua murid merujuk kepada senarai semak yang diberikan dan mula mengenal pasti kesilapan-kesilapan yang telah dilakukan serta membuat pembetulan berdasarkan tiga aspek yang terdapat di senarai semak itu. Melalui perbincangan selepas pengajaran kajian dijalankan, perkara ini boleh diperbaiki dengan memperkenalkan anotasi kepada murid berdasarkan tiga aspek yang terdapat di senarai semak. Dengan cara ini murid bukan sahaja mengenal pasti kesilapan-kesilapan itu tetapi mengkategorikan kesilapan itu berdasarkan anotasi yang diperkenalkan bagi tiga aspek yang terdapat di senarai semak. Ini juga dapat memudahkan murid untuk mengetahui kesilapan-kesilapan yang perlu dibetulkan.



Hasil tugas individu juga menunjukkan kesilapan-kesilapan kecil yang dilakukan murid amat minima jika dibandingkan dengan karangan mereka sebelum ini. Oleh itu, kajian ini jelas menunjukkan penggunaan senarai semak dapat membimbing murid-murid supaya menyemak hasil penulisan karangan mereka sekaligus meningkatkan pembelajaran kendiri di kalangan mereka.

Penilaian rakan sebaya yang dijalankan semasa pembentangan kerja berkumpulan dapat membantu guru untuk menilai pemahaman murid dalam pengajaran yang dijalankan. Penilaian rakan sebaya juga dapat membina keyakinan murid dalam memahami pelajaran tersebut.

## KESIMPULAN

Dengan menggunakan senarai semak dalam karangan, murid secara tidak langsung akan terdorong untuk menyemak hasil penulisan mereka supaya karangan mereka tidak mengalami kesilapan-kesilapan yang kecil. Selain itu, penggunaan senarai semak akan mewujudkan pembelajaran kendiri dalam kalangan murid. Penggunaan senarai semak dalam karangan sesuai digunakan untuk semua peringkat. Namun, bagi peringkat atasan aspek yang terdapat di senarai semak boleh ditambah dengan aspek-aspek seperti ayat yang gramatis, penggunaan frasa berbunga dan lain-lain lagi.

Kesimpulannya, penggunaan senarai semak dapat mengurangkan kesilapan dalam penulisan karangan serta meningkatkan pembelajaran kendiri di kalangan murid kerana mereka akan lebih bertanggungjawab dalam pembelajaran dan pencapaian mereka.

Nota:

Guru-guru yang turut terlibat dalam kajian:

1. Hamidah Hamid
2. Nuraishah Mahmood
3. Sanisah Rahim

## RUJUKAN

- Arapoff, N.,C. (1985). *The Writing Process: 20 Projects for Group Work.* New York: Newbury House.
- Harvey, S & Goudvais, A. (2007). *Strategies That Work: Teaching Comprehension for Understanding and Engagement.* (2nd ed.). Portland, Maine: Stenhouse Publishers.
- Karges-bone, L. (2000). *A Checklist For Everything.* Dayton, Ohio: Teaching & Learning Company.
- Rowlands, K. .D. (2007). Check It Out! Using Checklists to Support Student Learning. *The English Journal*, 96(6 ), 61-66.
- Saphire, J., Haley-Speca, M. A., & Gower, R. (2008). *The Skillful Teacher.* (6th ed.). USA: Research for Better Teaching Inc.

